

Teliti dahulu laporan sebelum putuskan peruntukan kepada SAR

UM 1 1 NOV 1988
KOTA BHARU 10 Nov. — Kerajaan akan meneliti terlebih dahulu laporan yang akan diterima daripada Kementerian Pendidikan sebelum memutuskan sama ada menarik balik atau sebaliknya peruntukan perkapita kepada semua Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dihentikan baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tindakan yang sesuai akan diambil setelah laporan tersebut diperolehi.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan bila laporan itu akan dibentangkan oleh kementerian berkenaan.

"Kita menunggu Kementerian Pendidikan buat laporan, lepas itu kita ambillah tindakan yang sesuai," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan terkini berhubung keputusan kerajaan baru-baru ini menggantung bantuan perkapita kepada SAR berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakannya bagi tujuan politik.

Ditanya sama ada Majlis Ter-

tinggi (MT) UMNO ada membincangkan perkara itu, Abdullah yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata: "Belum lagi, kita tunggu MT."

Ketika diberitahu oleh seorang pemberita bahawa terdapat SAR di negeri ini yang terdesak dan terlibat dalam penyalahgunaan bantuan itu bagi tujuan politik, beliau berkata: "Sekolah tak sepatutnya ada politik, sekolah bukan tempat untuk berpolitik, sekolah tempat untuk mengajar."

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 25 Oktober lalu mengumumkan keputusan kerajaan untuk menghentikan sementara bantuan perkapita untuk semua SAR berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakannya bagi tujuan politik.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Katanya, kerajaan mendapati ada pelajar SAR diajar membenci pemimpin dan berpendapat sekolah terbabit bukan sekolah agama sebenarnya, tetapi sekolah politik.